

PEMBENTUKAN MASYARAKAT MAJU DAN CABARANNYA
TERHADAP PEMBAHARUAN HUKUM ISLAM DI MALAYSIA



**SEMINAR HUKUM ISLAM SEMASA
PERINGKAT KEBANGSAAN
17 - 18 JUN 1997**

Konsep Masyarakat Maju

KERTAS KERJA UTAMA

**PEMBENTUKAN MASYARAKAT MAJU
DAN CABARANNYA TERHADAP
PEMBAHARUAN HUKUM
ISLAM DI MALAYSIA**

PROF. DATO' DR. OSMAN BAKAR

Wawasan 2020 jelas menggariskan konsep dan falsafah kemajuan yang bersifat menyeluruh dan bersepadu, yakni kemajuan yang tidak terhad kepada satu bidang tertentu, melainnya **ANJURAN** ekonomi sahaja seperti yang diusulkan banyak negara. Kemajuan yang dicapai dalam berbagai sisi bukan sahaja untuk berbangga diri, tetapi juga untuk berperpaduan manusia. Kehidupan masyarakat tidak hanya diatas segala bidang, malah dari segi kerohanian dan

PEMBENTUKAN MASYARAKAT MAJU DAN CABARANNYA TERHADAP PEMBAHARUAN HUKUM ISLAM DI MALAYSIA

Osman Bakar

Konsep Masyarakat Maju

Cita-cita Malaysia untuk menjadi sebuah negara dan masyarakat maju jelas terkandung dalam Wawasan 2020. Menurut jadual pembangunan yang dirancangkan oleh pemimpin tertinggi negara, menjelang tahun 2020 paling lewatnya, Malaysia akan muncul sebagai negara maju yang setanding dengan negara-negara maju lain di dunia. Tetapi kita juga telah mengisyiharkan kepada seluruh dunia bahawa Malaysia akan mencapai taraf negara maju menurut acuan pembangunannya sendiri. Dengan kata lain, dalam mengejar cita-cita untuk menjadi negara maju, kita tidak akan mencontohi model pembangunan dan model kemajuan mana-mana negara tertentu. Sebaliknya, kita akan mencipta model sendiri berdasarkan pengalaman berbagai bangsa dan negara di dunia dan juga berdasarkan pandangan dan nilai-nilai hidup yang bersumberkan tradisi agama dan budaya kita.

Wawasan 2020 jelas menggariskan konsep dan falsafah kemajuan yang bersifat menyeluruh dan bersepadu, yakni kemajuan yang tidak terhad kepada sesuatu bidang tertentu, misalnya kemajuan ekonomi sahaja seperti yang dianuti oleh banyak negara hari ini, tetapi yang hendak dicapai dalam berbagai lapangan hidup dan berbagai cabang dan ranting peradaban manusia. Konsep masyarakat maju dalam segala bidang, maju dari segi kerohanian dan

kebendaan, dari segi ilmu pengetahuan dan akhlak, dari segi ekonomi dan sosial, dari segi sains dan teknologi, dari segi kesenian dan kebudayaan dan seterusnya, yang hendak dicapai secara terselaras, harmonis dan bersepada adalah secocok dari segi teorinya dengan falsafah tauhid atau semangat kesatuan dan kesepadan yang diajar oleh agama Islam. Tetapi pada amalan dan dari segi perlaksanaannya, kita sedar bahawa ada banyak kepincangan dan percanggahan antara perkembangan dan pembangunan yang berlaku dalam bidang tertentu dengan apa yang berlaku dalam bidang-bidang lain. Pelbagai gejala buruk sosial yang heboh diperkatakan dalam masyarakat kita sekarang adalah contoh penzahiran kepincangan dan percanggahan yang saya maksudkan.

Tidak mudah bagi kita hendak mewujudkan acuan pembangunan dan acuan kemajuan kita sendiri. Ia lebih mudah dikatakan daripada dikotakan. Namun demikian, acuan seperti itu perlu diwujudkan, lebih-lebih lagi kerana ia dituntut oleh ajaran agama kita dan juga oleh falsafah kemajuan yang terkandung dalam Wawasan 2020. Acuan seperti itu juga selaras dengan tuntutan falsafah masyarakat madani yang diperjuangkan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim. Ini semua bermakna bahawa kita tidak boleh lari daripada tanggungjawab mencipta acuan atau model masyarakat maju Malaysia yang jelas dari segi konsep dan falsafahnya dan juga yang boleh diperaktiskan dalam masyarakat majmuk kita dari segi sistem dan mekanisme perlaksanaannya.

Masyarakat Maju dan Cabaran Umumnya

Proses pembentukan masyarakat maju menurut acuan Malaysia sememangnya mencabar setiap warganegara supaya membuat penilaian kritis terhadap peranan dan sumbangsan masing-masing dalam mencapai matlamat itu dan seterusnya berikhtiar untuk memanfaatkan sepenuhnya segala sumber kekuatan yang dimiliki oleh masyarakat kita di samping mengatasi segala kelemahan yang ada, khususnya dalam lapangan hidup yang diceburinya dan yang dia

mempunyai sedikit sebanyak pengetahuan dan kepakaran. Misalnya, kalau kita mencebur i bidang sains, maka peranan kita bukan sekadar untuk memajukan bidang itu atas dasar falsafah sempit "sains untuk sains". Kita harus memajukan bidang sains demi memajukan bidang-bidang lain. Dalam zaman moden, kita boleh nampak dengan jelasnya bagaimana kemajuan ilmu sains telah memberi sumbangan besar kepada kemajuan dalam bidang teknologi dan bidang ekonomi dan menerusi dua bidang ini pula menyumbang kepada perubahan sosial yang pesat. Yang sukar untuk dilihat atau yang amat sedikit kelihatan ialah sumbangan ilmu sains kepada kemajuan bidang-bidang lain seperti pemikiran agama, perundangan, pemikiran sosial, ilmu kemanusiaan, dan pembangunan akhlak dan moral.

Di negara-negara Barat yang menghasilkan kemajuan sains itu sendiri, penggunaan pengetahuan sains untuk memajukan bidang perundangan agak lempap. Bagaimanapun, sekurang-kurangnya ahli-ahli profesion perundangan di sana telah mengambil inisiatif untuk membahaskan tentang kesesuaian pengetahuan sains terkini dalam bidang-bidang tertentu untuk digunakan dalam proses perundangan. Malahan mereka telah memberanikan diri untuk mempelopori penggunaan ilmu sains terbaru dalam bidang perundangan seperti yang dapat kita saksikan dalam penggunaan pengetahuan saintifik tentang DNA dan kod genetik orang perseorangan dalam kes perbicaraan O.J. Simpson di Amerika Syarikat. Tetapi dalam masyarakat Islam zaman moden, boleh dikatakan tidak ada perbahasan yang merangsangkan tentang sama ada kita ingin memberi tempat dan peranan kepada pengetahuan saintifik moden dalam memajukan sistem perundangan dan hukum Islam.

Sains moden tidak banyak menyumbang secara positif kepada kemajuan bidang kerohanian dan pemikiran agama pada amnya kerana sains itu dan kebanyakan pengamalnya mengambil sikap berkecuali terhadap ajaran agama. Malahan sebilangan besar ahli sains moden di Barat mengambil sikap menentang dan memusuhi ajaran agama dengan cara menggunakan sains

untuk menyokong fahaman, ideologi atau aliran falsafah yang bercanggah dengan ajaran agama. Terdapat juga mereka yang bukan ahli sains yang cuba menggunakan penemuan-penemuan sains moden untuk menghalalkan ideologi-ideologi bikinan manusia seperti ideologi perkauman yang mengagung-agungkan bangsa kulit putih dan ideologi kebendaan Marxis tidak berapa lama dahulu. Kemudian ada contoh-contoh terbaru seperti menggunakan penemuan kesan-kesan hidupan di planet Marikh untuk menyokong kepercayaan bahawa manusia bukanlah makhluk istimewa di dunia ini dan menggunakan hasil penyelidikan tentang tabiat perkelaminan sesetengah haiwan untuk menghalalkan amalan dan corak kehidupan seks yang terdapat di kalangan masyarakat Barat.

Tetapi semua itu adalah merujuk kepada pembangunan sains dan pemikiran sains dalam acuan Barat moden. Kita di Malaysia perlu mewujudkan acuan pembangunan sains kita sendiri. Sekiranya ahli-ahli sains Islam memahami betul-betul intisari ajaran agama mereka, maka sudah tentu mereka tidak akan mengambil sikap berkecuali terhadap ajaran agama dan jauh sekali daripada hendak menentang atau mempertikaikannya. Jika ahli-ahli sains Malaysia, tidak kira apa keturunan bangsa dan agama anutan masing-masing, ingin menyumbang kepada pembentukan masyarakat maju menurut acuan Malaysia, maka mereka tidak seharusnya mengambil sikap berkecuali terhadap sistem kebenaran dan sistem nilai yang dianuti rakyat terbanyak di negara ini. Sebaliknya, mereka patut berusaha untuk memahami sistem itu dan cuba menyelaraskan serta menyatukannya dengan seluruh ilmu sains yang telah dihasilkan oleh manusia. Jika mereka berhasil membuat penyelarasan dan penyatuan ini, maka tidak syak lagi bahawa mereka telah berjaya memberi sumbangan yang sangat bermakna kepada kemajuan pemikiran seluruh masyarakat, terutamanya kemajuan pemikiran agamanya. Ini adalah kerana masyarakat umum atau orang awam memerlukan gambaran keharmonian antara agama dan sains. Di dunia Barat, gambaran percanggahan antara keduanya yang dilukiskan oleh ahli-ahli fikirnya telah menyebabkan lunturnya pegangan agama orang awam dan seterusnya mencetuskan krisis kepercayaan di

kalangan masyarakat Barat. Dengan kata lain, kemajuan dalam ilmu sains tidak diiringi oleh kemajuan yang setanding dalam bidang pemikiran agama. Sebaliknya, apa yang telah berlaku ialah tercetusnya krisis kepercayaan yang membawa kepada peminggiran agama secara berterusan dalam masyarakat Barat.

Oleh yang demikian, tidak ada gunanya kita di Malaysia mencontohi model pemikiran sains seperti itu. Di negara ini kita telah berikrar untuk membentuk sebuah masyarakat maju yang berteraskan agama dan berpaksikan kepercayaan kepada Tuhan. Adalah menjadi tanggungjawab intelektual dan tanggungjawab sosial ahli-ahli sains di negara ini untuk memastikan bahawa ilmu dan pemikiran sains yang mereka dan juga orang lain kembangkan tidak mengancam atau menggugat teras dan paksi masyarakat itu. Pengalaman agama dan tamadun Islam dalam pembangunan ilmu sains adalah suatu contoh sumber kekuatan masyarakat kita yang patut dimanfaatkan sepenuhnya oleh ahli-ahli sains kita. Dalam pandangan Islam dan dalam pengalaman tamadunnya, ilmu sains boleh menyumbang kepada kemajuan pemikiran agama. Ilmu itu boleh membantu mengukuhkan keyakinan manusia kepada Tuhan penciptanya, keyakinan kepada kebenaran alam ghaib, keyakinan kepada kehidupan akhirat, dan keyakinan kepada kebenaran wahyu ilahi. Ilmu itu juga menyumbang kepada pembangunan akhlak dan moral kerana dengan adanya bimbingan daripada wahyu, ia berjaya menunjukkan dengan jelasnya bahawa manusia adalah makhluk paling istimewa di dalam alam semesta dan merupakan satu-satunya makhluk bermoral. Kepercayaan seperti ini meneguhkan tekad insan Muslim untuk membina akhlak dan moralnya demi menunjukkan kelebihan dan ketinggian martabatnya berbanding dengan alam haiwan.

Acuan pemikiran yang membolehkan sesebuah tamadun menghubungkan pemikiran sains dengan pemikiran dalam bidang-bidang lain terutamanya pemikiran keagamaan, pemikiran sosial, pemikiran etika dan pemikiran ekonomi itulah yang dinamakan falsafah sains. Lantaran kepentingan acuan itu kepada

pembangunan masyarakat, maka tidak hairanlah sekiranya kita dapat bahawa setiap tamadun telah membangunkan falsafah sainsnya yang tersendiri. Dunia Barat moden mempunyai falsafah sains yang sebahagian ciri-cirinya telah saya sebutkan tadi. Tamadun Islam klasik telah menghasilkan falsafah sains yang selaras dengan ajaran agama Islam. Dalam tamadun itu, pada umumnya ahli-ahli sains sendiri yang menghasilkan falsafah sains dalam acuan Islam walaupun terdapat juga sebilangan ulama kalam yang berusaha merumuskannya. Antara mereka ini termasuklah Imam al-Ghazzali dan Imam Fakhr al-Din al-Razi.

Di Malaysia ada usaha yang dijalankan oleh sebilangan kecil ahli sains tempatan untuk menghasilkan falsafah sains dalam acuan Malaysia, khasnya dalam acuan Islam. Contohnya ialah usaha yang dijalankan oleh Akademi Sains Islam Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1977. Tetapi sumbangannya masih kecil dan terbatas. Cabaran kepada ahli-ahli sains Malaysia dalam usaha pembentukan masyarakat maju antara lainnya ialah cabaran untuk melahirkan sebuah falsafah sains menurut acuan kita sendiri.

Bagi kita umat Islam, masalah yang kita hadapi dengan sains moden bukanlah masalah dengan ilmu sains itu sendiri tetapi dengan acuan falsafahnya. Kita berpendapat bahawa kita masih boleh mendapat sebaik-baik manfaat dari ilmu sains moden tanpa perlu kita mengambil acuan falsafahnya yang sememangnya tidak sesuai dengan pandangan alam kita.

Masyarakat Maju dan Cabarannya Kepada Pembaharuan Hukum Islam

Masyarakat Islam perlu membincangkan apakah peranan yang wajar diberikan kepada sistem perundangan Islam atau Syariah Islam dalam usaha negara untuk mewujudkan acuan masyarakat majunya yang tersendiri. Adalah suatu perkara yang diterima umum bahawa kemajuan sesebuah masyarakat banyak bergantung pada kewujudan dan perlaksanaan sistem perundangan yang dinamis dan progresif. Sesiapa juga yang memahami Syariah Islam dalam

pengertiannya yang luas dan universal akan bersetuju dengan pandangan bahawa sistem perundangan Islam adalah bersifat dinamis dan progresif.

Bagaimana pun, tidak dapat dinafikan bahawa banyak orang Islam sendiri yang melahirkan rasa sangsi mereka terhadap kedinamisan hukum dan perundangan Islam. Dalam suasana pemikiran zaman sekarang di mana ramai orang Islam sendiri mempertikaikan keunggulan dan keupayaan Syariah Islam untuk menyelesaikan masalah-masalah dunia moden, apatah lagi di dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia yang sensitif terhadap usaha memperluaskan ruang lingkup dan bidang kuasa perundangan Islam, apa yang perlu kita lakukan dari segi pemikiran ialah mengenengahkan suatu falsafah Syariah yang bersifat universal dan dinamis serta relevan dengan keperluan dan tuntutan zaman moden, khasnya dengan kehendak dan cabaran kurun ke-21.

Prinsip-prinsip Syariah yang diwahyukan oleh Allah jelas bersifat abadi. Keabadiannya akan kita pertahankan. Tetapi perlaksanaannya boleh disesuaikan dengan tuntutan zaman dan konteks sosio-budaya yang berbeza-beza. Yang kita maksudkan dengan pembaharuan hukum Islam adalah merujuk kepada usaha penuh hikmah untuk melaksanakan prinsip-prinsip abadi itu sesuai dengan keperluan zaman kita. Salah satu asas utama usaha ini ialah ***ijtihad***. Tokoh-tokoh reformis Islam seperti Syed Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Iqbal menyeru agar semangat ijihad dinyalakan semula dengan harapan antara lainnya supaya Syariah Islam hidup kembali sebagai sistem perundangan yang dinamis, progresif dan universal dalam ertikata bahawa sistem itu memperjuangkan kebaikan dan keadilan untuk seluruh umat manusia dan bukannya untuk orang Islam sahaja.

Pada tradisinya falsafah Syariah seperti itu dirumuskan dan dihasilkan dalam disiplin ilmu yang dikenali dengan nama ***usul al-fiqh***. Adalah diharapkan agar institusi pengajian tinggi tempatan, khususnya Akademi Pengajian Islam di Universiti Malaya yang mempunyai Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh akan dapat

melahirkan pakar-pakar dalam bidang usul fiqh atau falsafah Syariah yang mampu nanti mencetuskan pembaharuan dalam perundangan Islam. Pengetahuan tentang ilmu-ilmu moden dan isu-isu kontemporari adalah penting kepada usaha kita untuk melahirkan pemikir-pemikir dalam bidang falsafah Syariah. Seperti yang pernah saya tegaskan semasa membentangkan kertas di Seminar memperingati Iqbal baru-baru ini, pengetahuan tentang ilmu moden dan masalah-masalah dunia moden dapat mempertingkatkan kualiti ijтиhad seseorang ahli hukum Islam. Oleh sebab itulah di Universiti Malaya sendiri, usaha telah dijalankan untuk menyusun semula kurikulum ijazah pertama di Akademi Pengajian Islam supaya para pelajarnya turut didedahkan kepada kursus-kursus tentang ilmu dan isu-isu masa kini seperti pengurusan, teknologi maklumat dan sains dan teknologi.

Selain pembaharuan di peringkat pemikiran hukum Islam, pembentukan masyarakat maju juga menuntut kita membuat pembaharuan di peringkat institusi. Kita berbangga kerana pihak Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk melaksanakan penyusunan semula institusi-institusi perundangan Islam di Malaysia seperti mempertingkatkan martabat mahkamah Syariah.

Kesimpulan

Kemajuan dalam pemikiran perundangan Islam akan memberi sumbangan besar kepada pembentukan masyarakat maju menurut acuan Malaysia. Kemajuan ini melibatkan pembaharuan pemikiran dalam bidang usul fiqh atau falsafah Syariah, pembaharuan hukum Islam dalam bidang yang lebih luas selaras dengan keluasan cakupan Syariah Islam itu sendiri sehingga meliputi nanti bidang-bidang baru seperti undang-undang alam sekitar dan undang-undang harta intelektual, dan pembaharuan institusi yang diamanahkan untuk melaksanakan hukum-hukum tersebut dengan penuh adil dan hikmah.

